



KENYATAAN RASMI

KEBENARAN PELAJAR PULANG KE KAMPUNG SEMPENA CUTI PERTENGAHAN SEMESTER DAN CUTI PERAYAAN AIDILFITRI 2021

Merujuk kepada kenyataan media dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkaitan Pergerakan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Pulang Sempena Cuti Perayaan Aidilfitri 2021 bertarikh 29 April 2021.

Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang diadakan pada 28 April 2021 telah bersetuju untuk membenarkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pulang ke rumah masing-masing sempena cuti Hari Raya Aidilfitri kecuali negeri Sarawak.

Sehubungan dengan itu, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) mengambil keputusan untuk membenarkan semua pelajar PTSS pulang ke kampung halaman masing-masing bermula 7 Mei 2021.

Pergerakan pulang pelajar akan menggunakan tiga (3) kaedah iaitu menggunakan kenderaan sendiri, dijemput oleh ibubapa atau penjaga atau menggunakan bas yang diselaraskan oleh PTSS. Pergerakan melalui **kenderaan awam tidak dibenarkan** kecuali perkhidmatan penerbangan. Pelajar perlu mengisi surat permohonan secara atas talian kepada pihak PTSS untuk memohon surat pelepasan perjalanan rentas negeri / daerah di pautan seperti dibawah.

<https://forms.gle/jtP5t6SqMMbK79x88>.

Para pelajar yang pulang perlu meninggalkan bilik dalam keadaan kemas dan bersih, segala keperluan akademik hendaklah dibawa balik bersama serta **kunci bilik hendaklah diserahkan ke Pejabat Kamsis sebelum pulang bercuti.**

Sesi kuliah akademik selepas cuti pertengahan semester masih berjalan seperti biasa mengikut takwim akademik menerusi dalam talian. **Pergerakan pulang pelajar ke PTSS mengikut jadual yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada keperluan Jabatan Akademik masing-masing. Sila rujuk Penasihat Akademik masing-masing.**

Walaupun bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada perubahan terkini yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam portal dan media rasmi PTSS. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Ketua Jabatan Akademik masing-masing dan Penasihat Akademik (PA) pelajar untuk keterangan yang lebih lanjut.

**Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
29 April 2021**